



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

13 Julai 2020

1. 3 kucing kena ‘dobi’ ; Harian Metro
2. Wanita lapor polis temui bingkai kucing dalam mesin basuh; Berita Harian
3. Harga ayam tidak lebih RM9 sekilogram; Berita Harian
4. ‘Fowl price won’t exceed RM9 per kg by August’ ; News Straits Times
5. Eight chicken traders probed over profiteering; News Straits Times

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK	MEDIA ELEKTRONIK
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR
RUANGAN : Lokal M/SURAT: A17	
RUANGAN :	
PERKARA	
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR
<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	
<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> PELBAGAI	
<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH	
13.7.2020	

3 kucing kena 'dobi'

Lelaki lemaskan haiwan di sebuah kedai layan diri

Oleh Suraya Roslan dan Nurul Hidayah Bahauddin am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Luluh hati seorang wanita apabila melihat tiga kucing dibumuh kejam dengan 'dilemaskan' dalam tiga mesin basuh di sebuah kedai dobi layan diri di Kepong sini.

Tindakan kejam itu diperlakukan seorang lelaki berusia 30-an kira-kira jam 5.30 pagi semalam.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia Arie Dwi Andika berkata, kejadian disebut dari jam 9 pagi oleh seorang wanita berusia 30-an yang mahu menggunakan perkhidmatan mesin dobi layan diri itu.

"Sebaik membuka pintu mesin basuh, wanita itu ter-

kejut melihat tiga ekor kucing mati dipercayai akibat lemas.

Wanita itu kemudian membuat laporan di Balai Polis Taman Ehsan, Kepong, supaya tindakan dapat diambil terhadap individu yang melakukan pembunuhan itu," katanya kepada Harian Metro.

Arie berkata, pihaknya menggesa supaya tindakan segera diambil terutama oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) supaya hukuman setimpal dapat dikenakan terhadap pelaku.

"Kami menggesa kes ini dibuka mengikut Akta Kebejikan Haiwan 2015 memandangkan ia kes berat. Kami berharap JPV dapat mengambil tindakan segera.

"Berdasarkan akta ini, pesalah boleh dikenakan hukuman denda RM20,000 hingga RM100,000 atau penjarahan setahun hingga tiga tahun," katanya.

Menurutnya, hasil siasatan pihaknya mendapat tiga kucing itu adalah kucing jalanan dan pihaknya turut menerima laporan daripada saksi kejadian itu.

Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) berhubung kejadian itu yang tular di media sosial memaparkan seorang lelaki memakai songkok memasukkan tiga kucing ke dalam mesin basuh.

RAKAMAN CCTV menunjukkan suspek yang disiksi dalam kejadian di sebuah kedai dobi jayan diri di Kepong.



KEADAAN tiga ekor kucing yang mati selepas dilemaskan menggunakan mesin basuh.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Nasional M/SURAT: 15		RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH 13.7.2020			

Wanita lapor polis temui bangkai kucing dalam mesin basuh

Kuala Lumpur: Seorang wanita membuat laporan polis selepas menemui tiga bangkai kucing dipercayai dibunuh dengan dimasukkan ke dalam mesin basuh di sebuah kedai dobi di Kepong, di sini, awal pagi semalam.

Laporan itu dibuat di Balai Polis Desa Jaya, di sini, selepas saksi berusia 30-an itu menemui bangkai haiwan berkenaan kira-kira jam 9 pagi semalam.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika, berkata mengikut rakaman kamera litar tertutup (CCTV), pemilik dobi itu mendakwa melihat kelibat seorang lelaki memasukkan kucing berkenaan ke dalam mesin basuh, jam 5.30 pagi.

"Pemilik dobi sudah menyerahkan salinan rakaman itu kepada wanita berkenaan untuk disertakan dalam laporan polis yang dibuat. Saksi kejadian itu diminta menyimpulkan bangkai kucing sehingga Unit Regulatori Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) datang ke lokasi kejadian untuk buat siasatan."

"Pembuktian ini amat penting untuk kes yang kukuh dan proses pendakwaan. Hukuman penjaranya maksimum tiga tahun dan denda maksimum RM100,000 manti pelaku mengikuti Akta Kebejikan Haiwan 2015," katanya dalam satu kenyataan menerusi Facebook, semalam.

Pada 5 Disember tahun lalu, seorang pekerja kontrak yang memasukkan seekor kucing bunting di dalam mesin pengering di sebuah dobi layan diri, dihukum penjara 34 bulan dan didenda RM40,000 oleh Mahkamah Sesyen Selangor.

Lelaki itu didakwa dengan kejam atau secara tidak munasabah membuat atau meninggalkan untuk melakukan apa-apa perbuatan menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap seekor kucing di premis dobi di Taman Gombak Ria, Batu Caves, di sini antara jam 12.54 tengah malam dan 1 pagi, pada 11 September 2018.

Pemilik dobi itu mendakwa melihat kelibat seorang lelaki memasukkan kucing berkenaan ke dalam mesin basuh.

*Arie Dwi Andika,
Presiden Persatuan
Haiwan Malaysia*

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Nasional M/SURAT: 14		RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH 13.7.2020			



'Harga ayam tidak lebih RM9 sekilogram'

KPDNHEP, wakil penternak capai kata sepakat

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan harga ayam di pasaran runcit tidak akan melebihi RM9 sekilogram menjelang Aidiladha ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata ia susulan persepakatan yang dicapai di antara kerajaan dengan wakil penternak ayam menerusi perbincangan baru-baru ini.

"Setakat awal bulan ini, pegawai KPDNHEP di seluruh negara mendapati harga ayam sudah mula turun sehingga RM8.20 sekilogram. Contoh di Terengganu, harga ayam pernah mencapai RM9.60 sekilogram dan menjelang Ogos, harga akan turun.

Ayam yang diternak boleh mula dijual sekitar usia 35 hari dan bukannya 45 hari. Sekarang, harga ayam sekitar RM8 sekilogram dan kita nampak ada kebenaran dengan apa yang dijanjikan oleh golongan peniaga," katanya.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri
Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

"Ayam yang diternak boleh mula dijual sekitar usia 35 hari dan bukannya 45 hari. Sekarang, harga ayam sekitar RM8 sekilogram dan kita nampak ada kebenaran dengan apa yang dijanjikan oleh golongan peniaga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program tinjauan mesra di Pasar Awam Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Bachang, di sini, semalam.

Yang hadir sama, EXCO Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Ismail Othman; EXCO Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar.

Rosol turut memberi jaminan bekalan barang mentah mencukupi menjelang sambutan hari raya korban akhir bulan ini dan menasihatkan pengguna mengambil langkah penjimatkan dalam setiap urusan berbelanja.

Sementara itu, beliau berkata, KPDNHEP Melaka terus menjalankan aktiviti pemeriksaan di

seluruh negeri bagi memastikan barang keperluan asas pengguna sentiasa mencukupi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini.

Sejak 1 Januari hingga Jumaat lalu, katanya, sebanyak 10,705 premis perniagaan diperiksa meliputi semua lapisan perniagaan iaitu peruncit, pemborong, pengilang dan peladang.

Beliau turut memaklumkan, KPDNHEP negeri menerima sebanyak 511 aduan rasmi yang rata-ratanya berkaitan harga.

"Sehingga semalam, sebanyak 162 kes berjaya diselesaikan membabitkan nilai rampasan berjumlah RM499,060.17.

"Selain itu, 74 notis mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan bagi mendapatkan maklumat perihal harga disyaki berlaku pencatutan," katanya.

Beliau meminta pengguna yang ingin membuat aduan berkaitan kementerian itu, menghubungi Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) KPDNHEP Putrajaya di talian 03-88826088.

MEDIA CETAK	MEDIA ELEKTRONIK
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input checked="" type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR
ANGAN : News M/SURAT: 10	
RUANGAN :	
PERKARA	
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR
<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH	13.7.2020

'Fowl price won't exceed RM9 per kg by August'

MELAKA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry yesterday gave an assurance that the price of chicken nationwide will not exceed RM9 per kg by August. Deputy Minister Datuk Rosol Wahid said this after meeting with several industry players who gave an assurance on the matter following reports of a price hike during the Movement Control Order period. He said checks conducted by the ministry until early this month found some traders selling chicken between RM8.20 and RM8.69 per kg. It was previously reported that in Terengganu, prices had gone up to RM10.50 per kg. Two days ago, the ministry confirmed an increase of between 10 sen and RM1.50 per kg for chicken between June 4 and 19.

Bernama

MEDIA CETAK	MEDIA ELEKTRONIK
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input checked="" type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR
RUANGAN : News M/SURAT: 10	
RUANGAN :	
PERKARA	
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR
<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH	13.7.2020

Eight chicken traders probed over profiteering

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has opened investigation papers on eight chicken traders suspected of profiteering. Ministry enforcement director Datuk Iskandar Halim Sulaiman said it involved four public market vendors in Melaka and four wholesalers — one in Melaka and three in Kuala Lumpur. Iskandar said the ministry's enforcement division was attempting to identify the source of the price hike following public complaints about the rise in chicken prices at wet markets. "Up to June 30, 353 premises have been inspected comprising 280 vendors, 50 wholesalers and 23 chicken farmers/rearers." **Bernama**